

UPACARA WANGKANG DI MELAKA: KAJIAN TERHADAP FUNGSI DAN CABARAN DALAM PENGEKALAN WARISAN

WANGKANG CEREMONY IN MELAKA: A STUDY ON THE FUNCTIONS AND CHALLENGES IN HERITAGE PRESERVATION

Rafidah Abdullah & Yunus Sauman @ Sabin

Abstrak

Makalah ini membincangkan fungsi dan cabaran pelaksanaan upacara Wangkang di Melaka semenjak tahun 1856. Upacara tersebut dikatakan berasal dari negara China dan kemudiannya telah dibawa masuk ke Melaka oleh para imigran Hokkien ketika zaman pemerintahan Dinasti Ching (1644 to 1911). Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan sejarah iaitu kajian kepustakaan dan tinjauan di lapangan termasuk temuramah beberapa responden yang terlibat secara langsung dalam penganjuran upacara tersebut di Melaka. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan upacara tersebut selama tempoh 169 tahun oleh masyarakat Hokkien di Melaka telah memperlihatkan kepada kita bahawa upacara tersebut bukan sekadar suatu upacara keagamaan tetapi mempunyai kepentingan dan fungsi tertentu dalam adat dan kepercayaan masyarakat tersebut. Di samping itu, terdapat pelbagai cabaran semasa yang dihadapi oleh mereka dalam usaha untuk terus mengekalkan pelaksanaan upacara tersebut sepertimana yang diamalkan oleh nenek moyang mereka. Adalah diharapkan agar usaha pengekalan tradisi unik ini dapat terus dilaksanakan dan disokong oleh semua pihak ke arah melestarikan warisan budaya ini yang telah diiktiraf di bawah *Representative List of the Intangible Heritage of Humanity* secara *Multi-National Nomination* bersama Republik Rakyat China pada 2020 oleh pihak Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa Bangsa Bersatu (UNESCO).

Kata kunci: Wangkang, Hokkien, Melaka

Abstract

This paper discusses the functions and challenges of the implementation of the Wangkang ceremony in Melaka since 1856. The ceremony is said to have originated in China and was later brought to Melaka by Hokkien immigrants during the Ching Dynasty (1644 to 1911). In an effort to obtain information for this study, the researcher used historical research methods, namely literature review and field surveys including interviews with several respondents who were directly involved in organizing the ceremony in Melaka. The results of the study show that the implementation of the ceremony for a period of 169 years by the Hokkien community in Melaka has shown us that the ceremony is not just a religious ceremony but has certain importance and functions in the customs and beliefs of the community. In addition, there are various current challenges faced by them in an effort to continue to maintain the implementation of the ceremony as practiced by their ancestors. It is hoped that efforts to preserve this unique tradition can continue to be implemented and supported by all parties towards preserving this cultural heritage which has been recognized

under the Representative List of the Intangible Heritage of Humanity in a Multi-National Nomination with the People's Republic of China in 2020 by the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

Keywords: *Wangkang, Hokkien, Malacca*

PENGENALAN

Upacara Wangkang merupakan satu daripada Warisan Kebudayaan Tidak Ketara yang diamalkan oleh masyarakat Hokkien di Melaka semenjak tahun 1856 dan seterusnya diadakan pada 1891, 1905, 1919, 1933, 2001, 2012, 2017 dan terakhir pada 2020. Objektif utama pelaksanaan upacara tersebut adalah untuk mengumpul dan menghantar roh atau semangat yang tidak berpenjaga atau berkeliaran ke suatu dunia lain. Pelaksanaan amalan ini berkait rapat dengan adat dan kepercayaan masyarakat Hokkien berkaitan konsep penghantaran roh si mati yang perlu dilaksanakan dengan sempurna bagi mengelak daripada berlakunya sebarang perkara buruk. Masyarakat Hokkien percaya bahawa roh atau semangat tersebut sekiranya dibiarkan dikhuatiri boleh menyebabkan kesengsaraan, penularan penyakit, ketidakstabilan ekonomi dan menimbulkan keadaan huru-hara di kawasan yang dihuni oleh roh atau semangat tersebut.

Menurut Ronald Gan (2023) “Wang” bermaksud Raja dan “Kang” bermaksud tongkang atau kapal. Oleh itu, Wangkang membawa maksud sebagai ‘kapal raja’. Kewujudan tradisi Wangkang juga menjelaskan tentang terdapatnya hubungan kait antara manusia dan laut. Hubungan tersebut misalnya didapati berlaku pada zaman dinasti Ming apabila masyarakat Cina telah menjadikan laut sebagai penyambung rezeki dan sebagai medium bagi menjalinkan hubungan diplomatik pada peringkat antarabangsa.



Foto 1. Wangkang yang dibina pada tahun 1919
(Sumber: Tokong Yong Chuan Tian, Melaka)

Upacara Wangkang dikatakan berasal dari negara China dan kemudiannya telah dibawa masuk ke Melaka oleh para imigran Hokkien ketika zaman pemerintahan Dinasti Ching (1644 to 1911). Tradisi ini telah diamalkan di wilayah Minnan (wilayah selatan Fujian) di negara China pada abad ke 15 dan 17 (Soo Khin Wah 2005). Pada masa ini amalan tradisi ini dikatakan telah tersebar dalam kalangan masyarakat China yang tinggal di kawasan Xiamen dan Quanzhou. Budaya tersebut kemudiannya telah dibawa masuk ke Malaya ketika penghijrahan masyarakat Hokkien ke Melaka iaitu pada zaman pemerintahan Dinasti Ching. Secara umumnya, upacara Wangkang telah diamalkan oleh masyarakat Hokkien yang beragama Taoisme.

Masyarakat Hokkien merujuk kepada kumpulan etnik Hokkien yang berasal dari wilayah Fujian, China (James K. Chin 2010). Manakala Taoisme merupakan salah satu agama terbesar dalam negara China yang berasal dari Tiongkok (Annisa Ranah Zhafira 2021). Oleh itu, masyarakat Hokkien

Taoisme boleh dianggap sebagai sub-etnik dalam kalangan kaum Cina yang menjadikan Taoisme sebagai kepercayaan dan amalan agama utama mereka. Masyarakat tersebut mengekalkan tradisi agama Taoisme melalui pelbagai upacara keagamaan seperti pemujaan dewa-dewa, sambutan perayaan penting seperti Tahun Baru Cina, serta penghormatan kepada roh nenek moyang.

Dalam konteks sejarah Asia Tenggara, masyarakat Hokkien Taoisme terdiri daripada keturunan pedagang dan imigran Cina yang berhijrah ke Malaysia, Singapura, serta negara-negara Asia Tenggara lain sejak abad ke-15. Di Malaysia, dari segi demografi, Hokkien merupakan kumpulan etnik Cina terbesar, merangkumi kira-kira satu pertiga daripada populasi, diikuti oleh Hakka, Kantonis, dan Teochiu (Xiaomei Wang 2016). Masyarakat Hokkien Taoisme ini bukan sahaja terkenal sebagai pendatang awal dari wilayah Fujian, China, tetapi juga dikenali kerana cara hidup mereka yang menggabungkan ajaran Taoisme dengan elemen sosial dan budaya tempatan, termasuk tradisi Melayu dan Cina. Keunikan ini menjadikan mereka salah satu komuniti etnik yang penting dalam lanskap kebudayaan Malaysia.

Kehadiran masyarakat Hokkien di Melaka yang membawa bersama nilai agama, kepercayaan dan tradisi yang mereka amalkan di tanah asalnya secara tidak langsung turut mempengaruhi budaya tempatan. Tradisi seperti upacara keagamaan, adat perkahwinan serta amalan pemujaan terhadap dewa-dewa seperti Ong Yah, bukan sahaja terus diamalkan, malah turut berkembang dan menyatu dalam konteks budaya tempatan khususnya di Melaka. Hal ini sekaligus telah menjelaskan bagaimana tradisi Wangkang yang berasal dari China telah bermula dan mengalami perkembangannya di Melaka menerusi proses penerimaan dan adaptasi budaya yang berlaku secara berterusan. Walaupun terdapat beberapa elemen penting di dalam upacara Wangkang yang sudah tidak lagi dipraktikkan di Melaka seperti penglibatan Chai Lian dan nyanyian lagu Chai Lian ketika upacara perarakan Wangkang, namun masyarakat Hokkien telah menggantikan peranan tersebut dengan ukiran bunga teratai dan ikan kap yang mengandungi makna dan tujuan yang sama iaitu penyucian.

Di Malaysia, upacara Wangkang telah diamalkan oleh masyarakat Hokkien yang menetap di beberapa buah negeri iaitu di Melaka, Butterworth (Pulau Pinang), Kuching (Sarawak) dan Batu Pahat (Johor). Walau bagaimanapun, sehingga kini hanya masyarakat Hokkien di Melaka yang dikatakan masih mengamalkan dan mengekalkan pelaksanaan tradisi Wangkang seperti asal. Upacara perarakan Wangkang yang pertama telah diadakan pada tahun 1856 di Kandang, Melaka. Upacara tersebut kemudiannya telah diadakan pada tahun 1880, 1891, 1905, 1919, 1933, 2001, 2012, 2017 dan terakhir pada tahun 2020.

Jelas di sini menunjukkan bahawa upacara tersebut tidak disambut pada setiap tahun tetapi hanya disambut berdasarkan kepada keperluan dan arahan daripada para dewa yang disembah oleh mereka iaitu Ong Yah. Kimwah & Sauffi (2023) menjelaskan dalam masyarakat purba di Gua Niah, seorang *shaman* mengetuai upacara pengebumian di dalam keranda perahu setiap kali berlakunya kematian pada zaman Neolitik. Dalam konteks ini Ong Yah yang juga berperanan seperti *shaman* memberi arahan kepada masyarakat Hokkien pada ketika itu. Hal tersebut dijelaskan oleh Khoo Kay Kim (1986/87) yang menyatakan bahawa masyarakat Cina di Melaka menjalankan upacara perarakan Wangkang dari masa ke semasa.

KAJIAN LEPAS

Secara umum, tidak dapat dinafikan bahawa banyak kajian mengenai sejarah negeri Melaka telah dilakukan oleh sarjana dari pelbagai bidang termasuk sosial, ekonomi, politik dan warisan budaya oleh pengkaji tempatan mahupun Barat sama ada sebelum dan selepas tahun 1856 hingga kini. Namun begitu, kajian yang khusus mengenai sejarah tradisi Wangkang yang merupakan simbol kebudayaan masyarakat Hokkien di Melaka masih sangat terhad atau hampir tidak ada. Walhal, Melaka adalah sebuah negeri yang kaya dengan sejarah dan tradisi budayanya. Upacara Wangkang merupakan salah satu warisan budaya tidak ketara yang unik terdapat di Malaysia.

Kajian mengenai warisan budaya tidak ketara di Melaka tidak dapat dikaitkan dengan seorang individu tertentu sebagai pelopor tunggal kerana ianya telah menjadi fokus pelbagai pengkaji daripada

bidang sejarah, antropologi, budaya dan arkeologi. Namun, antara tokoh awal yang telah memainkan peranan penting dalam mengkaji aspek-aspek warisan budaya tidak ketara di Melaka termasuklah R.J. Wilkinson yang menjadi rujukan utama bagi mendapat gambaran awal mengenai negeri Melaka. Karya yang dihasilkan oleh beliau banyak menekankan mengenai pelbagai aspek kehidupan masyarakat di Tanah Melayu. Melaka sebagai salah satu pusat penting dalam sejarah dan budaya mendapat perhatian dalam karyanya yang bertajuk *Papers on Malay Subjects* terutama dari sudut sejarah awalnya, peranan Melaka sebagai pelabuhan utama dalam jaringan perdagangan maritim Asia Tenggara serta adat dan struktur sosial masyarakat.

Wilkinson, R.J. (1971) melihat Melaka sebagai tapak penting dalam perkembangan budaya, khususnya dalam adat istiadat, bahasa dan seni masyarakat Melayu. Beliau juga menerangkan bagaimana Melaka menjadi pusat pertemuan pelbagai bangsa, termasuk Melayu, Cina, India dan Arab yang membawa kepada percampuran budaya yang unik. Namun begitu, penulisan ini lebih tertumpu kepada sejarah awal, adat dan kebudayaan Melayu di Melaka tanpa memberi penjelasan mendalam mengenai masyarakat Hokkien secara keseluruhan. Walaupun terdapat penekanan terhadap hubungan antara Melaka dan China, kajian beliau hanya merujuk kepada dasar luar antara kedua-dua negara tanpa mengupas lebih lanjut mengenai pengaruh budaya Hokkien di Melaka.

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, dapat disimpulkan bahawa sejarah kedatangan masyarakat Hokkien di Melaka bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke-14 dan berterusan hingga ke era penjajahan British pada abad ke-19 yang menyaksikan kemasukan secara besar-besaran masyarakat ini. Hal ini dibuktikan melalui kajian Suhaila Abdullah (2013) bertajuk *“Effect of Malay-China Trade Relations During the Malacca Sultanate on the Emergence of Chinese Peranakan Community”* yang melihat bagaimana hubungan perdagangan antara Kesultanan Melayu Melaka dan Dinasti Ming di China, serta peranan Melaka sebagai pusat pelabuhan utama pada abad ke-15 menjadi faktor utama dalam pembentukan komuniti Peranakan Cina. Selain itu, Anthony Reid (1939) dalam penulisannya juga menerangkan bahawa hubungan maritim merupakan pendorong utama kedatangan pedagang luar, yang bertindak sebagai penghubung antara pengaruh luar termasuk dari China dan India, sejak abad ke-7 lagi.

Selain itu, sejarawan terkenal Yen Ching-Hwang (2006) membincangkan penghijrahan masyarakat Hokkien ke Melaka dalam kajiannya. Menurut beliau, masyarakat Hokkien merupakan antara pendatang Cina yang terawal ke Tanah Melayu yang berhijrah selepas penubuhan Kesultanan Melayu Melaka pada awal abad ke-15. Walaupun Yen Ching-Hwang tidak mengkaji secara mendalam mengenai tradisi masyarakat Hokkien, namun beliau mencatatkan bahawa kewujudan Melaka sebagai pusat perdagangan yang strategik antara India dan Kepulauan Asia Tenggara menjadi daya tarikan utama bagi pedagang dari China. Sebahagian besar daripada mereka yang datang ke Melaka pada waktu itu berasal dari wilayah Fujian, China. Beliau turut mencatatkan bahawa populasi masyarakat Cina di Melaka semakin meningkat semasa penjajahan Portugis iaitu antara tahun 1511 hingga 1641.

Salah satu kajian yang membincangkan mengenai masyarakat Hokkien di Melaka semasa pemerintahan Belanda dapat dilihat dalam kajian oleh Qing Mei (2017) bertajuk *“Constructing New Meanings of Chinese Architectural Heritage in the World Heritage Sites of Malacca Straits”*. Kajian ini mendedahkan bahawa sebuah kuil Cina yang pertama dibina oleh masyarakat Hokkien di Melaka antara tahun 1645 hingga 1673. Pengaruh masyarakat Hokkien jelas kelihatan melalui nama Cheng Hoon Teng yang diberikan kepada kuil tersebut, yang merujuk kepada wilayah Fujian di China. Kuil Cheng Hoon Teng yang diasaskan oleh Kapitan Tay Hong Yong merupakan kuil Cina tertua di Malaysia.

Walaupun kajian ini tidak memberi fokus yang mendalam terhadap perkembangan masyarakat Hokkien di Melaka semasa pemerintahan Belanda, namun tetap memberikan pemahaman tentang pengaruh masyarakat Hokkien yang terus bertahan dan berkembang sepanjang zaman tersebut. Pengaruh ini jelas tidak terhenti meskipun berhadapan dengan perubahan pemerintahan, sebaliknya terus berkembang di Melaka yang mana ianya dapat dilihat menerusi kewujudan kuil Cheng Hoon Teng yang dibina. Secara tidak langsung, hal ini menunjukkan bahawa pengaruh masyarakat Hokkien

dalam amalan kebudayaan dan keagamaan juga terus berkembang sepanjang tempoh pemerintahan Belanda.

Walaupun bagaimanapun, Khoo Kay Kim (1971) dalam penulisannya bertajuk “*Latar Belakang Sejarah Masyarakat India dan China di Tanah Melayu*”, telah memberikan ulasan mendalam mengenai masyarakat Hokkien di Tanah Melayu. Beliau turut melihat perkembangan masyarakat Hokkien di Melaka pada abad ke-19 dengan menyatakan bahawa pemodal dari Negeri-Negeri Selat yang berasal daripada suku Hokkien kebanyakannya tinggal di kawasan pelabuhan utama termasuk Melaka sebagai salah satu lokasi penting. Perkembangan ini turut diperkuatkan oleh catatan Siah U Chin (1848) seorang pemimpin masyarakat Cina di Singapura, yang menyatakan bahawa sekitar 1,000 orang Hokkien telah berpindah dari Melaka ke Singapura dalam tempoh tersebut.

Secara keseluruhannya, setiap penulisan dan kajian ini menunjukkan bahawa kedatangan masyarakat Hokkien ke Melaka bermula daripada perkembangan perdagangan yang pesat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang kemudiannya berlanjutan hingga era pentadbiran kolonial. Pembentukan komuniti Baba Nyonya pula terbentuk daripada proses asimilasi antara masyarakat Hokkien dan penduduk tempatan. Walaupun karya-karya ini tidak secara khusus membincangkan tradisi Wangkang dalam kalangan masyarakat Hokkien yang berhijrah ke Melaka, namun tetap memberikan gambaran awal tentang bagaimana pengaruh budaya dan tradisi masyarakat Hokkien di Melaka mula berkembang. Maklumat yang diperolehi daripada kajian dan karya ini menjadi rujukan penting dalam mengenal pasti faktor utama yang mendorong masyarakat Hokkien untuk menetap di Melaka.

Sejarah kedatangan dan perkembangan masyarakat Hokkien di Melaka telah menyumbang kepada pengenalan tradisi dan budaya yang dibawa dari negara asal mereka. Beberapa penulisan telah meneliti aspek kebudayaan masyarakat Hokkien di Melaka, termasuk kajian oleh Tan Chee Beng (1982) yang memfokuskan dengan lebih mendalam terhadap sejarah kedatangan masyarakat Hokkien di Melaka serta tradisi pantun dan adat perkahwinan dalam komuniti Baba Nyonya. Menurutnya, sebahagian besar pendatang Cina awal yang berhijrah ke Tanah Melayu berasal daripada kelompok Hokkien. Mereka telah menetap dan berintegrasi dengan masyarakat tempatan sejak abad ke-17 yang akhirnya membawa kepada pembentukan komuniti Baba Nyonya yang unik. Penelitian beliau menekankan bagaimana interaksi budaya antara masyarakat Hokkien dan penduduk tempatan mencetuskan tradisi yang menjadi identiti kepada komuniti ini.

Manakala jika dilihat daripada konteks kajian di luar Malaysia, kajian yang dilaksanakan oleh Gusti Multa (2021) yang bertajuk “*Ritual Bakar Tongkang di Bagansiapiapi Kabupaten Rokan Hilir*” adalah dilihat hampir mirip dengan upacara Wangkang yang menjadi fokus kajian. Kajian ini menjelaskan bagaimana upacara pembakaran kapal yang dilakukan adalah sebagai mengingati kisah perjuangan masyarakat Tionghoa yang harus meninggalkan tanah asal mereka untuk mencari tempat tinggal yang lebih aman dan layak. Mereka berasal dari wilayah Asia dan terpaksa berpindah kerana bencana atau kekacauan yang melanda negara asal mereka. Ritual ini menjadi simbol penghormatan terhadap perjalanan sulit nenek moyang mereka dan tekad untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Namun, kajian ini lebih memfokuskan terhadap masyarakat Tionghoa di Indonesia dan tidak membincangkan secara khusus mengenai masyarakat Hokkien di Melaka walaupun dilihat ianya turut menyentuh mengenai tujuan, konsep dan perkembangan upacara yang dilaksanakan.

Adapun kajian yang menyentuh mengenai tradisi Wangkang yang diamalkan oleh masyarakat Hokkien di Melaka adalah dilihat melalui artikel “*The Great Wangkang Festival: Its Origin, History and Significance*”, yang diterbitkan oleh *The Malacca Guardian* (1933). Artikel ini dilihat banyak menyentuh dari segi pelaksanaan, fungsi dan pantang larang sepanjang upacara Wangkang dilaksanakan. Dapat dilihat bahawa penulisan ini turut menjelaskan berkenaan peranan Ong Yah yang merupakan dewa yang menentukan setiap arahan dalam pelaksanaan upacara Wangkang. Walaupun begitu, ianya tidak melibatkan penelitian dan perbincangan yang menyeluruh terhadap perkembangan dan serta perubahan yang berlaku dalam tradisi Wangkang sejak dari tahun 1856 hingga 2020.

Selain daripada itu, kajian lain yang dilihat memfokuskan terhadap upacara Wangkang di Melaka adalah yang dilakukan oleh Muhammad Alif Hakimi Muhammad Rushdie (2022) melalui kajiannya yang bertajuk “*Persepsi Masyarakat terhadap Kelangsungan Upacara Wangkang di Melaka ketika Penularan Covid-19*”. Kajian ini mengupas berkenaan upacara Wangkang yang dilaksanakan pada tahun 2020 iaitu ketika tempoh penularan wabak Covid-19 di Malaysia. Walaupun terdapat penerangan yang dilakukan berkenaan pelaksanaan dan fungsi upacara Wangkang, namun ianya adalah terhad pada tahun 2020 sahaja dan penjelasan yang dilakukan adalah secara ringkas serta tidak begitu mendalam.

Secara keseluruhannya, kelompongannya dalam kajian terdahulu telah membuka ruang untuk kajian ini dilaksanakan. Walaupun terdapat kajian mengenai tradisi masyarakat Hokkien di Melaka, kebanyakannya tidak memberi tumpuan khusus kepada tradisi Wangkang. Begitu juga dengan penulisan tentang tradisi Wangkang yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji yang umumnya tidak mengupas isu-isu utama secara menyeluruh dan mendalam. Antara isu yang kurang diberikan perhatian termasuk pantang larang, perubahan-perubahan dan cabaran yang berlaku sepanjang pelaksanaan tradisi Wangkang di Melaka dari tahun 1856 hingga 2020.



Foto 2. Upacara perarakan Wangkang tahun 1919 di Bandar Hilir, Melaka.
(Sumber: The Malacca Guardian, 1933)

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Bagi mencapai objektif di atas, beberapa kaedah atau pendekatan telah digunakan dalam kajian ini. Pendekatan utama ialah kajian kepustakaan. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mengumpul dan mendapatkan data-data awal sama ada bersifat primer atau sekunder yang terdapat di perpustakaan atau institusi yang berkaitan terutamanya Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Jabatan Warisan Negara (JWN), Perpustakaan Negeri Melaka, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. Tumpuan utama kajian adalah untuk mendapatkan data berkaitan sejarah awal masyarakat Hokkien di Malaysia dan pengamalan tradisi Wangkang di Melaka. Pada masa yang sama, kaedah arkib yang menjadi nadi terhadap kajian ilmiah turut dilaksanakan oleh pengkaji.

Sesuai dengan sifat bidang ini, pengkaji telah melaksanakan kaedah kajian lapangan dan sejarah lisan terhadap penduduk setempat yang terpilih untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan. Pendekatan ini dilihat mampu menjelaskan tentang persoalan pantang larang, kepercayaan tradisi masyarakat dan cabaran dalam pelaksanaan upacara Wangkang. Hal ini berikutan kekurangan bahan penulisan yang menjelaskan tentang perkara tersebut. Berdasarkan kepada sumber bertulis yang agak terbatas bagi kajian ini, pengkaji turut menggunakan kaedah temubual bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Pengkaji telah memberi keutamaan dan memilih beberapa orang tokoh berkaitan yang terdiri daripada masyarakat Hokkien khususnya masyarakat Baba dan Nyonya. Pengkaji juga telah berkesempatan menemubual beberapa tokoh lain yang telah dikenalpasti sewaktu menjalankan kajian di lokasi kajian. Tokoh yang dipilih juga telah terlibat secara langsung dalam pelaksanaan upacara yang dikaji.

Dari segi cara pengukuran data, pengkaji telah melakukan kajian lapangan di beberapa lokasi yang terlibat dalam pelaksanaan upacara Wangkang. Antara kawasan tersebut adalah kawasan tokong, limbungan, laluan perarakan, kawasan pembakaran dan kawasan lain yang berkaitan. Pengkaji juga telah berpeluang mendokumentasi semua maklumat yang berkaitan seperti maklumat senibina Wangkang, tiang Koh Teng, laluan upacara, peralatan dan hiasan yang digunakan dan amalan ritual yang diamalkan oleh mereka. Pengkaji juga telah mendapatkan data etnografi yang berkaitan dengan adat dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Hokkien.

Fungsi Upacara Wangkang

Pengkaji mendapati bahawa upacara Wangkang yang diamalkan oleh masyarakat Hokkien di Melaka sejak dahulu mempunyai fungsi dan peranan khusus menurut kepercayaan masyarakat Hokkien. Secara keseluruhannya, terdapat 3 fungsi utama upacara ini iaitu untuk mengumpul dan menghantar roh, lambang ketaatan dan kepatuhan terhadap arahan Ong Yah dan medium penyatuan masyarakat Hokkien. Kajian awal yang menyentuh mengenai tradisi Wangkang yang diamalkan oleh masyarakat Hokkien di Melaka adalah dilihat melalui artikel "*The Great Wangkang Festival: Its Origin, History and Significance*", yang diterbitkan oleh *The Malacca Guardian*. Artikel ini dilihat banyak menyentuh dari segi pelaksanaan, fungsi dan pantang larang sepanjang upacara Wangkang dilaksanakan.

Mengumpul dan menghantar Roh

Fungsi utama pelaksanaan upacara Wangkang adalah untuk mengumpul roh-roh yang tidak berpenjaga dan seterusnya menghantar roh tersebut ke suatu dunia lain. Ia bertujuan untuk mengembalikan kesejahteraan, kemakmuran dan kestabilan kepada seluruh dunia. Masyarakat Hokkien percaya bahawa keadaan ketidakstabilan yang berlaku di dunia adalah disebabkan oleh faktor gangguan atau keadaan huru hara yang dicetuskan atau ditimbulkan oleh roh atau semangat yang berkeliaran dan tidak berpenjaga.

Oleh yang demikian, upacara tersebut dilaksanakan bagi mengumpul dan menghantar roh-roh tersebut ke suatu dunia lain yang tidak diketahui. Kimwah et al. (2020) menjelaskan hubungan kait upacara kematian zaman Neolitik turut dipengaruhi oleh kepercayaan kehidupan selepas kematian. Walau bagaimanapun, tidak terdapat sebarang penjelasan atau maklumat yang dapat menerangkan secara tepat mengenai istilah 'dunia lain' yang dimaksudkan. Menurut Ronald Gan (2023) roh-roh tersebut akan diberi peluang untuk berkhidmat dalam angkatan tentera para dewa. Jelasnya, upacara Wangkang bukan suatu pesta, perarakan tersebut dilaksanakan bagi membendung sesuatu wabak dengan cara bersembahyang kepada roh yang membawa wabak tersebut (Khoo Kay Kim 1986/87). Pandangan tersebut jelas menunjukkan kaitan pelaksanaan upacara Wangkang terhadap kekuasaan para dewa yang disembah oleh masyarakat Hokkien dalam usaha membendung penularan wabak dan mengembalikan kesejahteraan kepada dunia.

Menurut Soo Kim Wah (2005) masyarakat hokkien percaya bahawa pelaksanaan upacara Wangkang akan dapat membersihkan sesuatu tempat atau dunia daripada sebarang gangguan, penularan wabak penyakit atau daripada berlakunya perkara yang tidak diinginkan. Oleh demikian, lazimnya upacara perarakan Wangkang akan mengelilingi bandar dan kawasan yang tertentu untuk menangkap dan menghapuskan roh yang berkeliaran dengan membuangnya ke dalam perahu (Nik Hasnaa, 1997). Artikel dalam *The Malacca Guardian*, 1933 turut menjelaskan tentang keperluan pelaksanaan upacara Wangkang bagi menangkap roh-roh yang bertanggungjawab terhadap suatu keadaan huru-hara di dunia untuk dihantar ke suatu dunia lain dengan menggunakan Wangkang.

Choo Hoo Ong Yah dari Tokong Cheng Wah Keong yang membawa perintah diraja akan menyucikan kawasan-kawasan yang dilalui oleh kapal Wangkang dan seterusnya mengurniakan keamanan dan kesejahteraan kepada seluruh dunia (Ronald Gan 2023). Bagi masyarakat Hokkien, pelaksanaan upacara Wangkang semenjak 1856 telah membuktikan dengan jelas mengenai fungsi upacara tersebut dalam mengembalikan semula kesejahteraan dan kestabilan terhadap dunia. Misalnya, upacara Wangkang yang diadakan pada tahun 1891 telah dikaitkan dengan penularan wabak

penyakit kolera. Manakala, upacara Wangkang yang dilaksanakan 1919 pula adalah setelah tamat perang dunia dan penularan penyakit Influenza.

Lambang Ketaatan dan Kepatuhan Masyarakat Hokkien Terhadap Ong Yah

Upacara Wangkang juga secara tidak langsung memperlihatkan konsep ketaatan dan kepatuhan masyarakat Hokkien terhadap Ong Yah yang disembah. Setiap arahan yang diberikan oleh Ong Yah bagi pelaksanaan upacara tersebut akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh masyarakat Hokkien bagi memastikan upacara Wangkang dapat dilaksanakan dengan sempurna. Menurut Soo Khin Wah (2005) masyarakat Cina menganggap Ong Yah sebagai dewa suci yang melindungi Melaka. Justeru, mereka akan mengadakan upacara sembahyang bagi menentukan sama ada upacara Wangkang perlu dijalankan ketika mereka berhadapan dengan sesuatu bencana atau malapetaka. Oleh demikian, ketaatan dan kepatuhan masyarakat Hokkien terhadap Ong Yah dapat dilihat dengan jelas daripada awal pelaksanaan upacara Wangkang iaitu bermula dengan penentuan tarikh bagi pelaksanaan upacara sehingga upacara tersebut selesai dijalankan dan Wangkang tersebut dibakar. Setiap arahan Ong Yah disampaikan melalui individu yang menjadi pengantarnya iaitu Tung Chi dan Fuluan.

Terdapat lima dewa yang disembah oleh masyarakat Hokkien di Melaka iaitu Choo Hoo Ong Yah, Hoo Ong Yah, Tee Hoo Ong Yah, Lee Hoo Ong Yah dan Pek Hoo Ong Yah (Soo Kim Wah 2005). Para dewa ini dianggap sebagai pelindung dan berperanan penting dalam kehidupan masyarakat Hokkien terutama dalam pelaksanaan upacara Wangkang di Melaka. Nik Hasnaa Nik Mahmood (1997) dalam kajian yang dijalankan mengenai masyarakat Cina di Tanah Melayu mendapati bahawa masyarakat Hokkien di Melaka menyembah lima orang yang suci atau digelar sebagai Ong Yeh iaitu Tsu, Un, Ti, Li dan Pek. Justeru, Ong Yah dilihat memainkan peranan yang sangat penting dalam tempoh persediaan sehingga pelaksanaan upacara merangkumi aspek seperti pemilihan tarikh upacara, pemilihan individu yang akan terlibat dalam upacara, pembinaan Wangkang, perarakan Wangkang sehingga pembakaran Wangkang. Sor Boon Chai (2021) menjelaskan suatu kejadian buruk atau nasib malang akan menimpa mereka sekiranya sesuatu perkara dilaksanakan oleh mereka tanpa mendapat restu dan kebenaran terlebih dahulu daripada Ong Yah.

Menurut Lai Poon Ken (2019) pemilihan seseorang individu untuk menggalas tugas dalam pelaksanaan upacara Wangkang merupakan satu penghormatan dan keistimewaan yang tidak ternilai. Oleh demikian, setiap individu yang terpilih akan bekerja dengan sepenuh hati demi memastikan upacara tersebut dapat dilaksanakan sebagaimana kehendak Ong Yah. Misalnya, setiap Chai Lian yang dipilih mempunyai peranan dan tanggungjawab berat yang perlu dilaksanakan seperti tanggungjawab untuk menjemput roh naik ke kapal Wangkang, mengiringi perarakan kapal Wangkang tanpa memakai alas kaki, menghiburkan para dewa dengan nyanyian lagu khas dan sebagainya. Walaupun Chai Lian yang dipilih perlu berjalan tanpa memakai kasut di sepanjang upacara perarakan, namun mereka melaksanakan tugas tersebut dengan sepenuh hati dan melaksanakan peranan yang telah ditentukan dengan sebaiknya (Soo Khin Wah 2005).

Wadah Penyatuan Masyarakat Hokkien

Bagi masyarakat Hokkien di Melaka, upacara Wangkang menjadi suatu medium penting yang turut berfungsi untuk menyatukan seluruh masyarakat Hokkien di Melaka khasnya dan di Malaysia amnya. Melalui pelaksanaan upacara tersebut, masyarakat Hokkien tanpa mengira latar belakang mahupun status sosial dilihat saling bekerjasama bagi memastikan setiap upacara Wangkang dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kajian mendapati, masyarakat Hokkien di Melaka sentiasa bersedia dalam memberikan kerjasama tidak kira dari segi tenaga mahupun wang ringgit dalam menjayakan upacara yang telah ditetapkan. Kerjasama seluruh ahli masyarakat dan pertubuhan masyarakat Hokkien dapat dilihat dengan jelas sepanjang pelaksanaan upacara Wangkang. Semangat kerjasama tersebut misalnya dapat dilihat ketika upacara menegakkan Tiang Koh Teng di hadapan kawasan Limbungan kapal Wangkang.

Menurut catatan dalam *The Malacca Guardian* (1933) sebanyak 40 buah institusi atau pertubuhan masyarakat Cina Hokkien telah terlibat dalam upacara perarakan Wangkang pada tahun 1933. Antara pertubuhan tersebut adalah seperti Tang Wah Whay Kwan, Kampong Java; (2) Ann Kuay, Banda Hillir; (3) Hoon Lim Kok, first Cross Street; (4) Hock Leong Kiong, Bachang; (5) Chin Kang Whay Kwan, Bukit China; (6) Eng Wha Whay Kwan, Bukit China; (7) Wee Lun Kok, Bachang; (8) Lee Wah Kong Whay, Bukit Cina; (9) Lum Wah Whay Kwan, Bukit China (2 section); (10) Sim Lun Kok, Egerton Road dan (11) Geok Gim Yan, Egerton Road.

Rafidah (2022) menyatakan bahawa fungsi upacara Wangkang dilakukan adalah sebagai simbol penyatuan dan kerjasama antara masyarakat Hokkien. Hal ini disokong berdasarkan kepada proses penyediaan upacara yang memerlukan penglibatan secara bersama dalam kelompok masyarakat seperti pembinaan Wangkang dan tiang Koh Teng. Menurut beliau, upacara Wangkang adalah signifikan kerana ianya meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara warisan budaya di negeri Melaka kepada generasi akan datang.



Foto 3. Upacara mendirikan Tiang Koh Teng di hadapan kawasan Limbungan Wangkang secara beramai-ramai pada tahun 2020.

(Sumber: Tokong Yong Chuan Tian, Bandar Hilir, Melaka)

CABARAN PELAKSANAAN UPACARA WANGKANG

Secara umumnya, terdapat beberapa cabaran yang telah dihadapi oleh masyarakat Hokkien di Melaka dalam usaha mereka untuk meneruskan amalan dan pelaksanaan upacara Wangkang yang diwarisi oleh mereka. Antara cabaran utama yang terpaksa dihadapi mereka adalah kos pelaksanaan sesebuah upacara Wangkang yang semakin tinggi dan perubahan cara hidup masyarakat Hokkien pada masa kini. Namun, pihak tokong yang berkaitan dilihat sentiasa berusaha mengatur pelbagai program dan inisiatif bagi menangani segala cabaran yang dihadapi.

Kos pembinaan Wangkang

Dalam pelaksanaan sesebuah upacara Wangkang, lazimnya sebuah kapal atau Wangkang perlu dibina sebagai objek utama bagi upacara tersebut. Oleh demikian, kos bagi pembinaan sebuah kapal atau 'Wangkang' merupakan antara punca yang menjadikan perbelanjaan upacara tersebut sangat tinggi. Catatan dalam *The Malacca Guardian* (1933) mendapati Wangkang yang digunakan pada tahun 1933 telah dibina dengan menggunakan kayu dari jenis Merdang dengan kos sebanyak \$1,000. Manakala kos bagi pembinaan Wangkang pada tahun 2012 pula telah menelan belanja sebanyak RM60,000 (Lai Poon Ken 2012).

Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos dalam pembinaan sesebuah kapal Wangkang adalah seperti peningkatan harga kayu dan bahan pertukangan lain yang perlu digunakan. Kebiasaanya, bahan kayu akan digunakan untuk membina struktur utama badan kapal termasuk pembinaan lunas dan tiang layar, perhiasan kapal dan membina kapal-kapal penyelamat (kapal kecil) yang akan mengiringi upacara perarakan Wangkang. Penggunaan paku emas dan perak dalam pembinaan lunas kapal turut menyumbang kepada peningkatan kos. Menurut Sor Boon Chai (2021, 14 Oktober) hanya paku yang diperbuat daripada emas dan perak sahaja boleh digunakan untuk melaksanakan upacara tersebut.



Foto 3. Perarakan kapal Penyelamat ketika upacara perarakan Wangkang tahun 2001.
(Sumber: *The Story: Tradition of Yong Chuan Tian Wangkang*).

Kos Penyediaan Pakaian Chai Lian

Chai Lian merupakan watak penting yang perlu ada dalam sesebuah upacara Wangkang. Kehadiran mereka bukan sahaja penting dari aspek peranan dan tanggungjawab tetapi turut menjadi tarikan melalui pemakaian seragam mereka yang sangat indah dan istimewa. Semenjak tahun 1856, pakaian yang dipakai oleh para Chai Lian merupakan pakaian istimewa yang ditempah khas untuk mereka. Oleh demikian, sebanyak 40 pasang pakaian yang lengkap dengan perhiasan termasuk pemakaian cincin dan gelang emas perlu disediakan untuk kegunaan Chai Lian dalam upacara. Kos penyediaan pakaian Chai Lian yang dihiasi dengan emas dan berlian pada tahun 1905 adalah sebanyak \$500 hingga \$10,000 (Andrew Sia 2012). Catatan mengenai penggunaan barangan perhiasaan emas yang dipakai ketika pelaksanaan upacara perarakan Wangkang juga didapati tercatat di dalam *the Straits Times (Singapore)*. Berdasarkan catatan tersebut, nilai perbelanjaan keseluruhan bagi pembelian barang kemas yang dipakai ketika upacara perarakan Wangkang yang diadakan pada tahun 1905 dikatakan bernilai hampir jutaan ringgit.



Foto 4. Pakaian seragam yang dipakai oleh Chai Lian dalam upacara Wangkang pada tahun 1933.
(Sumber: *the Malacca Guardian*, November, 1933).

Kos Penyediaan Barangan Sembahan dan Ritual

Penyediaan barangan bagi upacara sembahyang dan ritual sangat penting dalam upacara Wangkang. Lazimnya, upacara sembahyang dan ritual akan diadakan sebelum satu-satu upacara dimulakan. Misalnya, masyarakat Hokkien telah menyediakan beberapa jenis barangan seperti 111 ketulan emas, 5 kati teh, 10 kilo garam dan 5000 keping kertas emas dalam upacara mendirikan Tiang Koh Teng pada tahun 2020 (Lai Poon Ken 2019). Jenis barangan dan kuantiti barangan tersebut telah ditentukan oleh Ong Yah.

Selain itu, upacara pembakaran Wangkang juga memerlukan masyarakat Hokkien untuk menyediakan beberapa jenis barangan keperluan asas seperti beras, garam, teh, makanan dalam tin, kayu api dan sebagainya. Barangan tersebut perlu dimuatkan ke dalam kapal Wangkang sebelum upacara pembakaran dimulakan. Lazimnya, ia akan melibatkan penyediaan beribu bungkusan barang bergantung kepada arahan Ong Yah dan saiz kapal yang dibina. Menurut Ronald Gan (2023), masyarakat Hokkien percaya bahawa barangan keperluan yang diisi ke dalam kapal adalah suatu simbolik bagi kegunaan dan keperluan roh yang berada di dalam kapal tersebut di sepanjang perjalanan mereka menuju ke dunia yang lain.




Foto 5. Upacara pembakaran Wangkang yang diadakan pada tahun 2001.
(Sumber: *The Story: Tradition of Yong Chuan Tian Wangkang*)

Secara umumnya, terdapat beberapa faktor lain yang turut menyumbang kepada peningkatan kos penganjuran sesebuah upacara Wangkang seperti kos bayaran para sami, pengangkutan, logistik, penganjuran program dan sebagainya. Misalnya, perbelanjaan bagi membiayai kos penyediaan makan-minum, tempat tinggal, penyediaan khemah dan cenderahati kepada tetamu. Jika dilihat secara keseluruhan, jumlah perbelanjaan bagi pelaksanaan upacara Wangkang pada tahun 2012 adalah sebanyak lebih kurang \$500,000 (Lai Poon Ken 2019). Manakala perbelanjaan bagi penganjuran upacara Wangkang pada tahun 2020 didapati telah mencecah angka jutaan ringgit. Jumlah tersebut menggambarkan kepada kita tentang kos sebenar yang perlu ditanggung oleh masyarakat Hokkien bagi melaksanakan upacara Wangkang.

Jadual 1. Jumlah anggaran perbelanjaan bagi pelaksanaan Upacara Wangkang mengikut tahun.
(Sumber: Data peribadi pengkaji 2022).

Bil	Tahun	Kos perlaksanaan
1	1856	-tiada maklumat-
2	1891	-tiada maklumat-
3	1905	\$20,000.00
4	1919	\$38,000.00
5	1933	\$50,000.00
6	2001	-tiada maklumat-
7	2012	\$480,000.00
8	2017	\$1,000,000.00
9	2020	\$1,000,000.00

Perubahan Cara Hidup Masyarakat Hokkien

Cabaran lain yang turut dihadapi oleh masyarakat Hokkien dalam usaha mereka untuk terus mengekalkan pelaksanaan upacara Wangkang yang diwarisi adalah perubahan cara hidup masyarakat tersebut pada masa kini. Jika dilihat dari segi sejarah, masyarakat Hokkien telah mula berhijrah ke Melaka pada zaman pemerintahan kerajaan kesultanan Melayu Melaka iaitu pada abad ke 14 setelah kehadiran Laksamana Cheng Ho ke Melaka. Kini masyarakat Hokkien telah menjadi sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan agama. Sebahagian besar masyarakat tersebut kini telah tinggal menetap dan menjalankan perniagaan terutamanya di kawasan pusat bandar di Melaka. Mereka menjalani kehidupan dalam keadaan yang harmoni bersama masyarakat tempatan di samping mengamalkan adat dan kebudayaan yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.

Walau bagaimanapun, cara hidup masyarakat Hokkien didapati telah mula berubah kesan daripada arus pemodenan yang melanda negara secara keseluruhannya. Perubahan tersebut memberi sedikit kebimbangan kerana ia secara tidak langsung akan memberi impak terhadap kelangsungan adat dan budaya yang diwarisi, khususnya dalam pelaksanaan upacara Wangkang pada masa akan datang. Generasi muda masyarakat Hokkien kini dilihat kurang berminat untuk terlibat secara langsung dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan warisan dan budaya mereka. Kebanyakan keluarga masyarakat Hokkien pada masa kini lebih menumpukan perhatian kepada peningkatan taraf pendidikan sebagai usaha untuk memperbaiki keadaan kewangan keluarga.

Oleh demikian, golongan muda kini lebih banyak menumpukan masa untuk mengulangkaji pelajaran demi mencapai kejayaan dalam bidang pendidikan. Tambahan pula, cabaran dalam kerjaya pada masa hadapan dilihat semakin bergantung kepada pencapaian akademik individu. Sebahagian besar mereka juga didapati telah mula berhijrah keluar sama ada untuk menyambung pengajian atau mula bekerja di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan kawasan lainnya.

Dalam dunia moden yang semakin berorientasikan kepada sains dan teknologi pula kepercayaan-kepercayaan tradisional sering kali dipandang rendah kerana dianggap tidak didasari oleh bukti empirikal atau pengetahuan saintifik. Upacara Wangkang, yang melibatkan pemujaan roh-roh dan para dewa dilihat oleh sesetengah pihak sebagai sesuatu yang bertentangan dengan logik dan bukti saintifik yang ada pada masa kini.

Keadaan tersebut amat membimbangkan kerana tradisi ini perlu diperturunkan kepada generasi seterusnya sebagai golongan pelapis. Menurut Andrew Sia (2012) kemodenan merupakan suatu cabaran buat masa hadapan tokong kerana kebanyakan ahli yang aktif telah berumur 40 tahun ke atas. Tugas dan tanggungjawab generasi muda dilihat semakin berat seiring pengiktirafan upacara tersebut oleh pihak UNESCO. Mereka bukan sahaja perlu mempelajari malah memahami segala falsafah di sebalik upacara untuk memastikan kelangsungan upacara tersebut pada masa hadapan. Bagi tujuan mengatasi cabaran tersebut, pihak tokong dan beberapa pihak yang berkepentingan dalam kalangan masyarakat Hokkien telah berusaha untuk merancang dan mengadakan pelbagai aktiviti dan program yang berkaitan dengan upacara Wangkang seperti sesi forum dan seminar berkaitan upacara tersebut.

Selain itu, kebanyakan masyarakat Hokkien kini juga dilihat kurang mengambil berat mengenai adat dan tradisi lampau. Menurut Andrew Sia (2012) terdapat segelintir daripada mereka dilihat telah mula menghidangkan makanan berbungkus seperti nasi ayam dan ayam goreng *Kentucky Fried Chicken* (KFC) sebagai hidangan jamuan dalam upacara sembahyang yang dilaksanakan. Kebiasaannya, masyarakat Hokkien terutama masyarakat Baba dan Nyonya akan menyediakan pelbagai jenis juadah istimewa yang enak ketika menyambut sesebuah perayaan atau upacara sembahyang seperti pon-teh, itek tim, itek sioh (itik panggang), daging babi dan sambal belacan.




Foto 6. Upacara Jamuan kepada para dewa yang menghidangkan pelbagai juadah istimewa masyarakat Hokkien.

(Sumber: Tokong Yong Chuan Tian, Bandar Hilir, Melaka).

Cabaran lain yang turut dilihat memberikan kesan secara tidak langsung terhadap kelangsungan upacara Wangkang pada masa hadapan adalah penukaran agama dan perkahwinan campur antara masyarakat Baba Nyonya dengan masyarakat Cina bukan Baba atau lain-lain bangsa. Khoo Joo Ee (1996) menjelaskan bahawa penukaran agama sebahagian besar masyarakat Hokkien ke agama Kristian boleh menyebabkan budaya dan identiti asal masyarakat Hokkien pada masa hadapan akan menjadi semakin hilang dan kabur. Kepercayaan agama Tao berkait rapat dengan penyembahan Tuhan dan para dewa, seperti Ong Yah yang disembah oleh masyarakat Hokkien, manakala agama Kristian berpusat pada ajaran Jesus Kristus sebagai anak Tuhan. Oleh yang demikian, penukaran agama yang berlaku dikhuatiri akan mengurangkan jumlah penganut Tao, yang merupakan golongan utama dalam penganjuran upacara Wangkang di Melaka. Kajian terhadap masyarakat Baba Melaka pada tahun 1977 menggambarkan bahawa peningkatan bilangan perkahwinan antara Baba dan Cina bukan Baba merupakan faktor penting yang memberi kesan terhadap masa depan Baba (Tan Chee Beng 1993).

Secara umumnya, huraian di atas telah menerangkan tentang beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat Hokkien terutamanya masyarakat Baba dan Nyonya dalam mengekalkan kelangsungan upacara Wangkang. Selain peranan pihak tokong, usaha untuk menghadapi segala cabaran tersebut dilihat banyak dibantu oleh persatuan yang telah ditubuhkan oleh mereka dalam memelihara adat dan budaya masyarakat Baba dan Nyonya seperti Persatuan Peranakan Baba Nyonya Melaka dan Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia. Kedua-dua persatuan tersebut turut dilihat memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan segala perkara yang berkaitan adat dan budaya masyarakat Baba dan Nyonya untuk terus disemarakkan melalui penganjuran pelbagai aktiviti dan program sepanjang tahun.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, huraian di atas telah menjelaskan mengenai fungsi pelaksanaan upacara Wangkang berdasarkan kepada adat dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Hokkien di Melaka. Penjelasan tersebut telah memperlihatkan bahawa upacara Wangkang bukan sekadar berfungsi dalam mengembalikan kesejahteraan dan kestabilan kepada seluruh dunia, malah upacara tersebut juga dilihat sangat penting sebagai suatu medium dalam memperkukuhkan kesatuan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat Hokkien di Melaka khususnya dan di Malaysia amnya. Huraian turut memperlihatkan konsep taat dan patuh masyarakat tersebut terhadap Ong Yah yang dianggap oleh mereka sebagai dewa suci dan pelindung mereka sejak dahulu. Kejayaan pelaksanaan upacara tersebut semenjak zaman dahulu secara tidak langsung menunjukkan tentang wujudnya semangat kerjasama dan toleransi dalam kalangan semua pihak yang terlibat khususnya di negeri Melaka. Walaupun pelaksanaan upacara ini berdepan dengan beberapa cabaran seperti perubahan cara hidup masyarakat dan kos perbelanjaan yang tinggi, namun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak tokong dalam menangani cabaran tersebut.

Selain itu, selaras dengan pengiktirafan upacara Wangkang sebagai salah satu warisan kebudayaan tidak ketara pada peringkat dunia oleh pihak UNESCO, maka adalah amat wajar warisan kebudayaan ini terus dipelihara dan dikekalkan untuk pengetahuan dan tatapan generasi yang akan datang. Pengekalan upacara tersebut juga perlu dilaksanakan berdasarkan kepada kepentingannya sebagai satu ciri penting dalam aspek warisan tidak ketara yang terdapat di Tapak Warisan Dunia Melaka. Oleh demikian, diharapkan agar semua pihak yang berkaitan sama ada pada peringkat persekutuan mahupun negeri dapat saling bekerjasama dalam memastikan agar usaha yang dirancang ke arah pengekaln upacara tersebut dapat dilaksanakan dengan berhati-hati supaya keaslian upacara tersebut dapat terus dijaga dan dikekalkan.

RUJUKAN

- Andrew Sia. 2012. 'Evil, be gone: A deity 'instructs' a Chinese temple's devotees to build a boat and load evil spirits on it. Why?'. *Star*, 5 Februari.
- Annisa Ranah Zhafira. 2021. Konsep Ketuhanan di dalam Agama Taoisme dan Konfusianisme. *Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam* 2(2): 2.
- Gusti Multa. 2021. Ritual Bakar Tongkang di Bagansiapiapi Kabupaten Rokan Hilir (Kajian Antropologis dan Sosiologis). Tesis Sarjana Agama, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- James K. Chin. 2010. Junk Trade, "Business Networks, and Sojourning Communities: Hokkien Merchants in Early Maritime Asia. *Journal of Chinese Overseas* 6: 157.
- Khoo Kay Kim. 1971. Latar Belakang Sejarah Masyarakat India dan China di Tanah Melayu. *JEBAT* 1: 20.
- Khoo Kay Kim. 1986/87. Melaka: Persepsi Tentang Sejarah dan Masyarakatnya. *Jurnal Sejarah Melaka* 10.
- Khoo Joo Ee. 1996. *The Straits Chinese: A Cultural History*. Amsterdam: The Pepin Press.
- Kimwah, J., Jusilin, H. and Sahibil, Z. 2020. Kain Hitam Cave (Painted Cave) Niah, Sarawak: The Relationship of Boat-Shaped Coffin and Rock Painting. *Environment-Behaviour Proceedings Journal* 5(S13): 319-315. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v5isi3.2576>.

- Kimwah, J. & Sauffi, M.S. 2023. Shaman Representations in the Painted Cave at Sarawak, Malaysia. *ISVS e-journal* 10(1): 193-202.
- Lai Pon Ken. 2019.). Setiausaha Tokong Yong Chuan Tian. Temuramah responden. Melaka. [2 Januari].
- Nik Hasnaa Nik Mahmood. 1997. *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*. (Terj.). Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Qing Mei. 2017. Constructing New Meanings of Chinese Architectural Heritage in the World Heritage Sites of Malacca Straits. *Built Heritage* 1: 29.
- Rafidah Abdullah. 2022. The Wangkang Ceremony: A Unique Tradition of Hokkien Community in Melaka. *International Symposium on Culture Heritage*. Jakarta: Universitas Mercu Buana Jakarta : 164-165.
- Reid, Anthony. 1939. *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680*. New Haven and London: Yale University Press.
- Ronald Gan. 2023. Presiden Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia. Temuramah responden. Melaka. [17 Mei].
- Siah U Chin. 1848. General sketch of the numbers, tribes and avocations of the Chinese in Singapore. *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 2: 290.
- Soo Khin Wah. 2005. *Tour of Inspection by Imperial Decree-Tee Ong Yah and The Wangkang*. Melaka: Yong Chuan Tian Temple.
- Sor Boon Chai. 2021. Bendahari Tokong Yong Chuan Tian. Temuramah responden. Melaka. [14 Oktober].
- Suhaila Abdullah. 2013. Effect of Malay-China Trade Relations During the Malacca Sultanate on the Emergence of Chinese Peranakan Community. *World Journal of Islamic History and Civilization* 3(4): 143-146.
- Tan Chee Beng. 1982. Mengenai Sebuah Pantun Baba dan Perkahwinan Dulu-Kala Orang Cina. *Jurnal Sejarah Melaka* 7: 43.
- Tan Chee Beng.1993. *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- The Story: Tradition of Yong Chuan Tian Wangkang*. 2012. Melaka: Yong Chuan Tian Temple.
- The Malacca Guardian: The Great Wangkang Festival: Its Origin, History and Significance*. 1933. Malacca: Wah Seong Press, 24-35.
- Wilkinson, R.J. 1971. *Papers on Malay Subjects*. London: Oxford University Press.
- Xiaomei Wang. 2016. The Chinese Language in the Asian Diaspora: A Malaysian Experience. Dlm. Gerhard Leitner, Azirah Hashim & Hans-Georg Wolf (pnyt.). *Communicating with Asia: The Future of English as a Global Language*, hlm. 206. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Yen Ching Hwang. 2006. The Role of Hokkien Chinese in the History of Malaysia and Singapore. *Journal of Malaysian Chinese Studies* 9: 80.

Rafidah Abdullah
 Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 Email: rafidah@heritage.gov.my

Yunus Sauman, (Ph. D)
 Pensyarah Kanan
 Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 Email: yunus.sauman@fsk.upsi.edu.my

Received: 17th February 2025

Accepted: 27th March 2025

Published: 30th April 2025